

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butir-butir yang baru
ditafsirkan sebagai "zero-rated" dalam tahun 2016 dan 2017.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan tambahan senarai barang yang dikenakan GST pada kadar sifar seperti berikut:

- i. Susu bayi dan susu kanak-kanak bagi yang berumur 0 hingga 36 bulan diperluaskan untuk meliputi:
 - a. susu berasaskan organik; dan
 - b. susu berasaskan kacang soya.
- i. Kacang dhal diperluaskan meliputi kekacang daripada kacang

kuda [*Chickpeas (Garbanzos)*], kekacang berasaskan kacang hijau dan kacang putih [*(Beans of the species Vigna mungo (L.) Hepper or Vigna radiate (L.) Wilczek*] dan kekacang [*Pigeon peas (Cajanus cajan)*];

- ii. Sayur-sayuran diperluaskan untuk meliputi akar teratai (*lotus root*) dan sengkuang air (*water chestnut*);
- iii. Rempah-ratus diperluaskan untuk meliputi biji sawi;
- iv. Gula diperluaskan untuk meliputi gula merah;
- v. Produk mi diperluaskan untuk meliputi mi kolok (kering); dan
- vi. Senarai ubat yang diberikan kadar sifar diperluaskan daripada 4,215 jenama ubat kepada 8,630 jenama ubat seperti berikut:
 - a. Semua jenis Ubat Terkawal di dalam Racun Kumpulan A, B, C dan D di bawah *Suffix A* diperluaskan daripada 3,077 jenama ubat kepada 7,397 jenama ubat yang diliputi di bawah *National Essential Medical List (NEML)*;
 - b. Ubat *Over the Counter* di bawah *Suffix X & N* di bawah NEML diperluaskan daripada 1,013 jenama ubat kepada 1,105 jenama ubat; dan
 - c. Ubat-ubatan di bawah NEML yang diklasifikasikan sebagai peranti perubatan diperluaskan daripada 125 jenama kepada 128 jenama.

Senarai ubat ini ditambah secara berkala dan sehingga kini

sebanyak 9,000 jenama ubat di bawah *Suffix A*, *X* dan *N* telah diberi layanan GST kadar sifar.

Bagi tahun 2017 pula, Kerajaan telah meluaskan layanan GST berkadar sifar untuk meliputi roti *wholewheat* yang pada asalnya dikenakan GST pada kadar standard 6%. Dengan itu, roti *wholewheat* mendapat layanan yang sama dengan roti putih (*white bread*) dan *wholemeal* iaitu GST berkadar sifar.